

**Memelihara Nilai-nilai keMelayuan
Yang Bersandarkan Hakikat & Kebaikan**

Oleh:

TunSuzana@ Suzana Hj Othman

Pengenalan:

Perkara Mutlak & Relatif: Yang Esensi & Manifestasi

Apabila faktor etnik tidak lagi menjadi ciri *fundamental* atau asas mutlak kepada pentakrifan bangsa Melayu sebagaimana halnya suatu masa dahulu, tetapi digantikan dengan faktor budaya mengikut tiga ciri khusus iaitu: '*Melayu adalah seorang yang menganut Agama Islam, lazimnya bercakap Bahasa Melayu, menurut adat istiadat Melayu*', yang mana setiap satu daripada ciri di atas mempunyai kebelenturan dan dinamisannya yang tersendiri tanpa mengubah ciri hakiki ataupun esensinya, maka Melayu mempunyai potensi untuk terus hidup, relevan dan cemerlang bagi masa-masa yang akan datang.

Bagi menjamin kesinambungan survivalisme Melayu terutamanya dalam menghadapi cabaran-cabaran kontemporari dengan perubahan-perubahan pada lanskap politik, agama dan sosio-budaya setempat, malahan dinamisme sains dan teknologi, kita perlu dapat membezakan apa yang bersifat relatif dan apa yang bersifat esensi dan mutlak, elemen Melayu mana yang perlu diadaptasi, dan mana pula esensi kemelayuan yang perlu terus dipelihara dalam makna asalnya, diberikan kesinambungan, malah dipertahankan dengan segala kudrat dan daya.

Dan dalam hal ini kita perlu tahu bahawa yang relatif itu perlu selamanya bersandarkan kepada yang mutlak.

Dalam hal ini kita perlu memisahkan unsur-unsur yang mutlak dari yang relatif. Nilai mutlak (*absolute*) yang dimaksudkan di sini ialah meluasnya penerimaan sesuatu nilai dalam semua waktu dalam sejarah, ada yang bersifat khusus/lokal dan ada pula yang bersifat umum/universal. Sedangkan yang relatif itu adalah menifestasi dari nilai yang mutlak itu, yang terzahir pada budaya dan masyarakat yang berbeza, bukan intisari dari nilai itu.

Untuk pemahaman yang mudah, kita berikan contoh dalam bentuk *form and function* seperti berikut:

Contoh pertama; tujuan pengangkutan adalah untuk membawa seseorang atau sesuatu dari tempat A ke destinasi B. Namun jenis pengangkutan yang digunakan adalah berbeza mengikut keadaan, tempat dan waktu, samada berjalan kaki, menaiki bot, menaiki gajah, menunggang kuda, menaiki kereta, kapal laut, kapalterbang dan sebagainya

Maka disini tujuan pengangkutan bersifat mutlak yang umum/universal, namun bentuk serta manifestasinya bersifat relatif, iaitu jenis pengangkutan untuk membawa seseorang atau sesuatu dari tempat A ke destinasi B adalah disesuaikan mengikut masa, tempat dan keadaan.

Contoh kedua, tujuan berdakwah adalah untuk membawa manusia kepada Tauhid, Islam dan Ihsan (Ad-Deen). Sedangkan bentuk serta manifestasinya berbeza, iaitu seseorang boleh berdakwah melalui lisan, penulisan, akhlak yang baik, azan, pendidikan, pemakaian dan sebagainya. Malahan medium untuk berdakwah juga boleh dibuat dengan berbagai cara, ada yang dibuat oleh pendakwah yang bergerak dari rumah ke rumah, ada yang buat melalui ceramah dan pengajian pada saluran TV dan radio, malahan pada hari ini medium dakwah telah mulai semarak di dunia siber.

Oleh itu tujuan dakwah itu bersifat mutlak yang umum/universal, iaitu membawa manusia kepada ajaran dan amalan Islam, sedangkan manifestasi dan medium dakwah berbeza mengikut kesesuaian keadaan, masa dan tempat.

Contoh ketiga, persenjataan yang digunakan dalam peperangan untuk melawan musuh, mempertahankan serta melindungi diri. Manifestasinya berbeza, jikalau dahulu orang Melayu menggunakan keris, parang, tombak dan meriam,, maka hari ini kita menggunakan senjata-senjata moden seperti senapang, bom dan sebagainya.

Oleh itu tujuan persenjataan adalah bersifat mutlak yang umum/universal, sedangkan bentuk dan manifestasinya bersifat relatif, iaitu berbeza mengikut perubahan masa dan keadaan.

Kebudayaan Melayu Dalam Lingkungan Kebudayaan Islam:

Menyentuh hal Agama Islam, wujud perkara yang menyangkut hal-hal ketauhidan dan keimanan yang berbeza dengan perkara-perkara nilai. Perkara Iman dan ketauhidan adalah semata-mata benar dan muktamad dalam apa jua masa, tempat dan keadaan berdasarkan penerimaan secara ijma' (iaitu keseluruhan, tiada bertentangan pendapat) antara alim-ulama muktabar di seluruh dunia pada semua waktu dalam sejarah atas sifatnya yang bersumberkan dari wahyu Allah swt sendiri yang diturunkan melalui kitab suci al-Quran.

Contohnya RUKUN IMAN¹ iaitu perkara Tauhid dan Iktiqad yang disebut sebagai POKOK AGAMA adalah bersifat mutlak dan muktamad, begitu juga dengan RUKUN ISLAM², kerana kedua-dua Rukun Iman dan Rukun Islam adalah bersumberkan wahyu Allah swt sendiri.

Bagaimanapun dalam hal pelaksanaan dan hukum hakam Syariat seperti solat, puasa, membayar zakat, pelaksanaan haji dan sebagainya adalah mengikut ketetapan imam-imam mazhab yang muktabar seperti Imam Hanafi, Maliki, Syafiee dan Hanbali. Bermakna terdapat perbezaan pendapat tentang beberapa kaedah pelaksanaan Rukun Islam diantara alim-ulama yang bertaraf mujtahid mutlak, namun tetap terbandung dalam kerangka mazhab.

Contoh lain, pakaian yang memenuhi tuntutan syariat, iaitu menutup aurat, longgar dan bersopan. Perintah ini bersifat mutlak yang umum dalam dunia Islam, sedangkan bentuk menifestasinya berbeza mengikut pandangan imam-imam Mazhab yang berlainan. Hatta menifestasinya juga berbeza mengikut keperluan, tempat dan budaya, contohnya dalam masyarakat Melayu, dalam solat memakai telekung, apabila berekreasi memakai tee-shirt labuh, bertudung dan berseluar panjang, Hari Raya memakai baju kurung dan bertudung, pada majlis agama mungkin memakai jubah³.

Begitu juga sesetengah daripada amalan-amalan sunnat seperti tahlil, ratib, talkin, maulid dan sebagainya, adalah bersandarkan kepada esensi atau kemutlakan nilai-nilai baik yang diisyaratkan dalam ajaran agama Islam, sedangkan menifestasinya berbeza, contohnya seperti memuliakan Rasulullah saw, maka kita berselawat, bermaulid dan berqasidah.

Begitu juga dengan amalan-amalan yang dihukumkan sebagai bid'ah wajib seperti mengumpulkan lembaran-lembaran al-Quran dan hukum-

¹ Rukun Iman ada 6 perkara: Iaitu Beriman kepada Allah, Malaikat, Rasul, Kitab, Hari Akhirat dan Qada' & Qadar

² Rukun Islam ada 5 perkara: Iaitu mengucap dua kalimah syahadah, solat fardhu, membayar zakat, berpuasa di bulan Ramadhan dan mengerjakan Haji bagi yang mampu.

³ Contohnya bunga rampai sebagai pengharum dan penyeri majlis keramaian, istilah dan peranannya sama, tetapi orang Melayu di Malaysia menggunakan daun pandan yang dihiris halus, sedangkan Melayu Capetown menghiris daun limau kerana di Afrika Selatan tidak ada daun pandan. Begitu juga dengan sambal belacan yang dimakan sebagai pembuka selera, walaupun namadan peranannya sama, tetapi orang Melayu Malaysia menumbuk cili merah dengan belacan, sedangkan Melayu Capetown meumbuk cili merah dengan buah pir.

hakam Islam didalam bentuk penulisan, mengilmu atau mengakedemikkan pengajian Bahasa Arab, mengelaskan hadith-hadith Rasulullah SAW.

Ataupun yang berbentuk bid'ah hasanah seperti mengamalkan wirid-wirid yang dibimbing oleh syeikh-syeikh sufi yang murshid dan muktabar, menyambut maulidur rasul, berhias dan meraikannya, bertawassul (berperantara), bertabarruk (mencari barakah), menziarahi makam wali-wali dan lain-lain perbuatan baik yang tidak dilakukan pada masa dahulu.

Semua perkara ini adalah semata-mata berdasarkan esensi atau hakikat keimanan, keislaman dan keihlanan yang syumul dalam bentuk dan manifestasi yang berbeza.

Amalan-amalan atau nilai-nilai baik seperti ini walaupun dimanifestasikan dalam bentuk yang berbeza, ada yang mengikut keperluan ataupun kesesuaian tempat dan masa, namun ianya tetap bersandarkan kepada isyarat yang telah ditunjukkan oleh al-Quran dan Hadith Nabi sepertimana amalan-amalan kebaikan yang jelas dan nyata contohnya memuliakan ibu-bapa dan golongan tua, berbuat baik kepada golongan faqir miskin, berbuat baik dengan anak-anak yatim, bersedeqah, menghulurkan pertolongan kepada yang memerlukan, menghormati sesama insan, dan banyak lagi.

Ringkasnya, wujud unsur-unsur esensi yang benar dan baik serta bersifat hakiki mengikut ajaran Islam, hatta ada yang bersifat umumiyah@universal beserta manifestasinya seperti berikut;

- i. Perkara Rukun Iman & Rukun Islam yang bersifat benar dan muktamad kerana bersumber dari kitabullah.
- ii. Memuliakan Rasulullah saw kerana Allah dan para Malaikat sendiri memuliakan dan bersalawat ke atas baginda. Antara manifestasi daripada pemuliaan ini adalah amalan-amalan bermaulid, berqasidah dan membacakan kitab syamil.
- iii. Nilai-nilai akhlak yang dituntut dalam agama seperti taqwa, sabar, redha, tawakkal, berbaik sangka, ikhlas, adil dan sebagainya.
- iv. Nilai-nilai baik yang bersifat universal seperti berdisiplin, professional, menepati janji, sivik, berbelas kasihan kepada golongan yang lemah, berkasih sayang, hormat menghormati dan sebagainya .

Maka dalam kerangka agama, adat dan budaya Melayu, kita perlu memerhatikan, beriman dan beramal secara bersungguh-sungguh dalam perkara-perkara keagamaan yang bersifat benar dan muktamad, selain yang bersifat esensi dan mutlak, serta manifestasi daripadanya seperti apa jua warisan nilai-nilai dan kebudayaan Melayu yang bersandarkan kepada ciri-ciri tersebut, contohnya seperti berikut;

- i. Beragama Islam dalam kerangka fahaman Ahlus Sunnah Wal Jamaah sebagai mengikut pegangan dan amalan leluhur kita sejak zaman berzaman
- ii. Beramal dengan amalan-amalan keagamaan seperti bertahlil, berzikir, beratib, bermaulid, bermarhaban, berkhatam quran, bertadarrus dan berkenduri-kendara.
- iii. Beramal dengan nilai-nilai murni yang berteraskan ciri rohaniyyat Islam seperti budiman, budi pekerti, balas budi, adab, sabar, sopan santun, berhikmah, berhemah, setia, takzim, hormat dan banyak lagi.
- iv. Berperadaban serta beradat resam tempatan yang berteraskan ciri rohaniyyat Islam seperti adab memuliakan orang tua, tidak meninggikan suara kepada mereka, bersopan dan bertertib.
- v. Memuliakan umara, ulama dan keturunan Rasulullah SAW seperti yang dituntut agama.
- vi. Berpakaian Melayu mahupun kasual yang berfungsi menutup aurat, bersopan dan selesa.
- vii. Memelihara dan menjunjung Institusi Raja-raja Melayu kerana ianya mirip kepada jenis sistem pemerintahan Islam yang hakiki, iaitu sistem khulafa' Rasulullah saw sebagai "*... MENGGANTI Rasulullah SAW bagi melindungi agama serta mentadbir keduniaan (al-siyasah al-duniya).*"
- viii. Mengambil esensi dari mana-mana warisan leluhur dalam apa jua bidang seperti seni beladiri dan persenjataan, perubatan, kesenian dan kesusasteraan, teknologi Melayu dsbnya, yang diolah serta disesuaikan dengan elemen-elemen masakini menurut keperluannya.